

01 FEB 2003

Tahun Baru-Sambutan (Rangkuman) (Bergambar)  
SAMBUTAN MERIAH TAHUN BARU CINA DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Kedatangan "Tahun Kambing" disambut meriah oleh masyarakat Cina yang merayakan Tahun Baru Cina hari ini.

Kemeriahan jelas kelihatan dengan majlis-majlis rumah terbuka yang diadakan di seluruh negara yang menjadi tradisi sambutan perayaan bagi masyarakat majmuk negara ini.

Mengikut horoskop Cina, "Kambing" terkenal dengan sifat lemah lembut, berbudi pekerti serta mudah tersentuh dan masyarakat Cina percaya seseorang yang dilahirkan pada Tahun Kambing adalah seseorang yang mementingkan perasaan kasih sayang sesama makhluk.

Satu lagi fahaman mereka ialah individu yang lahir pada tahun kambing memiliki sifat seperti mudah memaafkan kesalahan orang lain dan mudah menerima kekurangan orang lain.

Di KUALA LUMPUR, parti-parti komponen Barisan Nasional seperti MCA dan Gerakan meneruskan tradisi rumah terbuka di ibu pejabat masing-masing dengan mengundang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta para pemimpin dan tokoh masyarakat untuk meraikannya bersama ribuan tetamu berbilang kaum.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali memulakan sambutan Tahun Baru Cina dengan mengunjungi rumah terbuka MCA di Dewan Lee San Choon di Wisma MCA di sini.

Ketibaan mereka pada kira-kira pukul 10 pagi disambut oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik serta pemimpin MCA yang lain.

Turut mengunjungi rumah terbuka MCA pagi ini ialah Abdullah, menteri-menteri kabinet, pemimpin parti-parti politik, para duta asing serta kira-kira 5,000 anggota masyarakat pelbagai kaum.

Para pelancong asing turut mengambil kesempatan mengunjungi rumah terbuka MCA dan mengambil peluang untuk bersalaman dengan Perdana Menteri.

Dr Mahathir meluangkan masa selama kira-kira sejam sambil menyaksikan beberapa pertunjukan kebudayaan Cina termasuk tarian naga yang dipertontonkan pada majlis itu.

Di KOTA KINABALU, masyarakat Cina merayakannya dalam suasana sederhana tetapi meriah dengan mengunjungi tokong pada sebelah pagi diikuti sambutan rumah terbuka bersama sanak saudara dan sahabat handai.

Ibu negeri agak lengang apabila kebanyakan premis perniagaan ditutup sempena sambutan itu dan acara rumah-rumah terbuka yang rasmi hanya akan berlangsung esok.

Antara yang mengadakan rumah terbuka di Kota Kinabalu esok ialah Parti Maju Sabah di Kompleks Sukan Likas, MCA Sabah di Sekolah Menengah Kian Kok dan Parti Bersatu Sabah di Airport View Hotel.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat akan mengadakan rumah terbuka di kediaman mereka di Jalan Telekom, Kudat, kira-kira 200km dari sini. Acara-acara itu bermula pukul 10 pagi hingga 2 petang.

Di KUCHING, hujan lebat yang turun sejak awal pagi tidak menjejaskan sambutan Tahun Baru Cina dengan tradisi rumah terbuka diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan.

Antara yang menganjurkan rumah terbuka ialah Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) yang mengadakannya di ibu pejabat parti sejak pukul 9 pagi.

Yang di-Pertua Negeri Tun Abang Muhamad Salahuddin, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, ketua-ketua kaum dan ketua-ketua jabatan kerajaan adalah antara 3,000 tetamu majlis itu.

Di KUANTAN, sambutan meriah dengan sanak saudara pulang ke rumah ibu

bapa masing-masing bagi makan besar petang semalam sebelum mengunjungi rumah rakan dan sahabat handai.

Cuaca yang baik hari ini juga memberi kesempatan kepada orang ramai untuk mengunjungi tempat-tempat pelancongan dan pantai peranginan seperti di Teluk Cempedak dan Cherating.

Di KOTA BAHARU, Tahun Baru Cina dirayakan dalam suasana sederhana tetapi meriah dengan amalan kunjung mengunjungi rumah keluarga dan rakan.

Rumah terbuka anjuran Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri kawasan Kota Lama di sini turut dihadiri Timbalan Menteri Besar Datuk Abdul Halim Abdul Rahman. Tarian Singa turut menarik perhatian orang ramai yang hadir pada majlis itu.

Di KANGAR, sambutan penuh kemeriahan dan tradisi dirasai di majlis-majlis rumah terbuka anjuran beberapa pemimpin parti MCA.

Antara yang mengadakan rumah terbuka ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri Loh Yoon Foo dan Ketua Wanita MCA Perlis, Oui Ah Lan.

Loh yang juga Ketua MCA bahagian Padang Besar mengadakan rumah terbuka di Dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kong Hwa, Kaki Bukit manakala Oui yang juga anggota dewan undangan negeri kawasan Indera Kayangan mengadakan rumah terbuka di dewan Chee Yang Khor di sini.

Sambutan Tahun Baru Cina di Perlis turut dimeriahkan dengan perlumbaan peringkat kedua kejohanan lumba basikla Le Tour de Langkawi sejauh 148.3 kilometer yang bermula di Kangar dan berakhir di Butterworth. Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim melepaskan para pelumba di padang Majlis Perbandaran Kangar.

Di KUALA TERENGGANU, Tahun Baru Cina disambut meriah dan penuh harmoni dengan masyarakat lain mengunjungi rumah terbuka, walaupun dalam cuaca agak mendung dengan sesekali hujan yang agak lebat.

Suasana di Pasar Payang juga agak sibuk dengan pelancong yang mengambil kesempatan cuti panjang dan cuti sekolah untuk melawat Terengganu dan membeli-belah di pasar itu.

Di IPOH, lebih 2,000 orang menghadiri rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Ong Ka Chuan yang juga merupakan Pengerusi MCA Perak.

Antara orang kenamaan yang hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Isahak Yeop dan Pengerusi MIC Perak Datuk G. Rajoo.

Tajol Rosli juga meluangkan masa mengunjungi rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chang Ko Youn.

Esok, Kerajaan Negeri akan menganjurkan sambutan Tahun Baru Cina peringkat negeri bermula 7 malam di Padang Ipoh yang dijangka dihadiri lebih 50,000 orang.

Di LANGKAWI, ramai pelancong domestik mengambil peluang sempena cuti panjang untuk berkunjung ke Langkawi.

Pegawai operasi United Ferry Ventures Sdn Bhd, Ahmad Ismail berkata, pihaknya mengadakan perkhidmatan tambahan sebanyak 80 perjalanan pergi-balik bagi laluan Kuala Perlis manakala 70 ke Kuala Kedah.

Selain itu, Langkawi turut menerima kunjungan pelancong asing menerusi penerbangan sewa khas sempena Tahun Baru Cina dari Hong Kong.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengunjungi sambutan Tahun Baru Cina anjuran MCA Kedah yang diadakan di dewan Sekolah Menengah Keat Hwa (Persendirian).

Pengerusi MCA Kedah Datuk Beh Heng Seong dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Chor Chee Heung meraikan kira-kira 1,000 orang tetamu pelbagai kaum pada majlis itu yang diserikan dengan persembahan tarian naga, nyanyian serta pertunjukan opera Cina yang didatangkan khas dari China.

Pada sebelah petang, Syed Razak dijadual mengunjungi rumah terbuka

Pengerusi Gerakan Kedah Datuk Fong Chok Gin.

DI SEREMBAN, MCA dan Gerakan turut mengadakan rumah terbuka sempena sambutan Tahun Baru Cina.

MCA Negeri Sembilan yang diketuai Pengerusinya Datuk Hon Choon Kim mengadakan rumah terbuka di Dewan Majlis Perbandaran Seremban mulai jam 9.30 pagi, manakala Gerakan yang diketuai Pengerusinya Datuk Woo Ah Lek mengadakan rumah terbuka mulai jam 11.30 pagi di pusat membeli-belah Terminal One.

Turut memeriahkan sambutan itu Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin, Anggota Exco, wakil rakyat dan pemimpin masyarakat.

Lebih 5,000 orang memeriah sambutan itu yang turut diserikan dengan tarian singa.

--BERNAMA

APG KHY ROS